

Konsep, promosi buku bahasa Melayu hambar

BM 24/01/10 m/s 37-

Gaya penerbitan karya ilmiah patut lebih mesra pembaca setanding bahan dari luar negara

KEBIMBANGAN Persatuan Penulis Nasional (Pena) baru-baru ini terhadap industri penerbitan buku bahasa Melayu harus difikirkan dengan serius. Kita sudah tiba ke tahap kritikal dari segi penjana ilmu melalui buku bahasa Melayu.

Ita bukan hanya membabitkan dana, tetapi juga soal penulis dan penulisannya, penyuntingan, reka letak, visual dan ilustrasi muka kulit, pemasaran dan penjualan. Walau apapun penerbit (terutama universiti) mesti memegang falsafah 'buku dinilai berdasarkan kulit muka depan' (*judge a book by its cover*). Reka cipta kulit muka depan buku bahasa Melayu mesti mencerminkan proses konseptualisasi dan kreativiti yang mantap dan mendalam.

Saya merujuk pembentang kertas kerja (pensyarah penerbitan) mengenai penerbitan buku ilmiah pada satu seminar. Beliau menyatakan penerbit universiti tidak perlu bersusah payah dalam rekaan muka depan kulit buku kerana ia buku ilmiah.

Namun, saranan Presiden Pena, Datuk Baharuddin Zainal dalam memperkasakan industri penerbitan buku bahasa Melayu perlu diberi perhatian pihak berwajib.

Saya bukan pakar penerbitan buku. Saya menulis berdasarkan peminat dan pembaca buku bahasa Melayu. Kira-kira 22 tahun lalu, saya pernah berdepan dengan kerenghas penerbit buku di Lembah Klang. Saya yang baru menjadi pensyarah berbekalkan ijazah sarjana di sebuah universiti awam menyatakan hasrat untuk menerbitkan buku dengan penarik perhatian.



REKA bentuk kulit buku yang menarik mampu memberi persepsi positif kepada pembaca.

jual dan tidak terjual. Satu masalahnya ialah promosi. Tidak kurang penting ialah banyak buku yang klasifikasikan sebagai ilmiah dipaparkan sebagai buku teks atau bacaan berat.

Klasifikasi itu hanya merugikan semua pihak. Sikap penerbit melihat buku ilmiah hanya untuk bacaan pelajar, mahasiswa, pensyarah dan cerdik pandai mesti dihapuskan. Maka buku itu diberi konsep seperti buku teks dan akademik dari segi saiz, jenis kertas, jenis muka kulit, visual dan ilustrasi.

Apakah buku yang subjeknya mengandungi perbincangan mengenai disiplin misalnya matematik, sains, sosiologi atau ekonomi mesti dipaparkan seperti buku akademik? Banyak buku termasuk terbitan DBP serta universiti tidak mendapat sambutan.

Lihat saja penerbit seperti Penguin, Vintage, Routledge, Sage; juga NUS dan OUP. Klasifikasi buku kepada ilmiah, tidak ilmiah atau akademik mesti dikaji semula. Jika kita andaikan jumlah pembaca di Malaysia kian menurun, maka kuranglah cerdik pandai masyarakat kita yang membaca. Buku untuk semua, bukan untuk orang bersekolah dan cerdik pandai saja.

Saya perhatikan buku bahasa Melayu dan penerbit universiti tidak mengambil berat maklumat penulis, penyunting dan penyelenggara buku. Nilai setiap buku juga bergantung kepada karyawan seperti latar belakang, kelayakan dan pemikirannya. Ada juga buku yang bagus kandungan dan nilai keilmuannya tidak memuatkan biodata penulis.

GAMBAR HIASAN

buku dengan penerbit berkenaan. Malangnya saya diberitahu penerbit hanya mahu manuskrip penulis yang mempunyai PhD atau profesor madya ke atas tanpa membaca manuskrip saya terlebih dulu.

Apakah sikap penerbit itu wajar? Saya mendedahkan peristiwa lampau kerana ingin menunjukkan betapa ruginya sikap pilih bulu penerbit terhadap penjana ilmu kepada masyarakat.

Penerbit harus memperbetulkan pandangan terhadap pemegang PhD dan jawatan akademik, atau penulis yang tiada jawatan di universiti atau mereka yang tidak mempunyai ijazah.

Kita jangan taksud kepada gelaran dan pangkat. Apakah semua pemilik PhD ialah cendekiawan atau apakah semua profesor boleh menulis dengan baik dalam bidang masing-masing? Apakah penerbit perlu memandang serong kepada seseorang hamba Allah yang hanya mempunyai jiwa dan akal budi?

Apakah semua buku yang dika-takan ilmiah di dunia dikarang pemegang PhD dan profesor? Cuba rujuk beberapa penerbitan ilmiah dan kesarjanaan di Eropah, Australia dan Amerika Syarikat yang ada antara penulisnya hanya pensyarah atau pensyarah kanan.

Jika penerbit di Eropah, Austra-

lia dan Amerika mengurusi nilai manuskrip dengan kelayakan akademik dan jawatan, maka dunia penerbitan mereka ketinggalan dan tamadun mereka akan pupus.

Di sini timbul tanggungjawab penerbit dan pewasit untuk mengenal pasti serta menghalusi nilai keilmuan sesebuah manuskrip. Jauhari mesti mengenal manikam. Ini bukan soal industri penerbitan saja tetapi dunia penerbitan buku yang merangkumi juga penulis dan pembaca, serta etos dan pandangan alam tamadun itu sendiri.

Bercakap mengenai penerbit Barat, saya tertarik dengan katalog buku terbitan mereka yang amat menarik – bukan hanya dari segi visual dan reka letak, tetapi juga lengkap dengan maklumat dan paparan buku yang diterbitkan.

Hampir 25 tahun saya menjadi ahli akademik. Sepanjang kerjaya di universiti, saya jarang menerima katalog daripada penerbit buku bahasa Melayu atau penerbit ilmiah universiti setanding katalog penerbit luar. Katalog buku termasuk dari Singapura dihasilkan dengan teliti, kreatif dan menarik.

Katalog buku bahasa Melayu hasil penerbit tempatan seperti melepaskan batok di tangga. Hampir setengah abad, saya menerima katalog yang dihantar dari luar ne-

“*Saya tertarik dengan katalog buku terbitan mereka yang amat menarik – bukan hanya dari segi visual dan reka letak, tetapi juga lengkap dengan maklumat dan paparan buku yang diterbitkan”*

“*Sikap penerbit melihat buku ilmiah hanya untuk bacaan pelajar, mahasiswa, pensyarah dan cerdik pandai mesti dihapuskan”*

gara atau oleh pengedar, ejen di Malaysia dan melalui e-mel. Semuanya dalam bahasa Inggeris dan memaparkan pemikiran serta konsep yang sesuai dengan sasaran. Setiap katalog yang diterima mempunyai maklumat lengkap termasuk ulasannya. Tipografi dan kertasnya juga molek dilihat dan dipegang.

Itu cara mempromosikan buku. Jika penerbit luar negara mempunyai inisiatif mengirim katalog kepada masyarakat akademik di Malaysia, mengapa tidak penerbit tempatan? Tetapi itu tidak berlaku secara sistematik dan berterusan.

Kita mempunyai penerbit universiti, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta penerbit komersial. Apa salahnya jika kita mengirimkan katalog buku bahasa Melayu kepada semua pensyarah di Malaysia? Atau dapatkan alamat e-mel dan kirimkan melalui internet? Sekurang-kurangnya ahli akademik dan ilmuwan tahu kewujudan buku bahasa Melayu, khususnya buku dalam bidang mereka dan isu yang diminati.

Bagaimana penerbit membuat klasifikasi terhadap buku? Perlu ada rombakan pemikiran mengenai konsep dan penjenisan buku yang diterbitkan. Saya lihat banyak tajuk menarik dan berguna kepada pembaca bijaksana tidak dapat di-

penulis. Penulis adalah kritikal kepada dunia penulisan dan sumber manuskrip dalam membentuk buku. Apakah biodata dianggap perkara ringan? Mengapa terjadi masalah dunia penerbitan bahasa Melayu (termasuk penerbit universiti) ialah sikap bebal penerbit terhadap dunia penerbitan itu sendiri.

Saya sedang membaca buku yang amat bernilai dari segi kandungannya bertajuk *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu (2009)*, oleh Siti Rodziah Nyan, terbitan DBP. Namun, biodata penulis tidak dimuatkan sehingga sukar saya menilai buku itu sepe-nuhnya.

Mengenal penulis juga penting. Penerbit mesti faham keperluan itu. Sebuah lagi buku ialah *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu (2005)*, terbitan DBP diselenggara Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya.

Buku ini juga tidak ada maklumat mereka dan penulis bab. Mungkin perkara ini nampak kecil dan remeh, tetapi ia menambah nilai dan kredibiliti sesebuah buku.

Penulis ialah Profesor Jabatan Pengurusan dan Ilmu Kemanusiaan, Universiti Teknologi Petronas, Tronoh